

Jabatan Pendaftar
Registry

Rujukan Kami (Our Ref) :UMP.02.01/10.12/2/1 (6)

18 September 2015

**Dekan/ Pengarah/ Ketua Jabatan
Ketua Timbalan Pendaftar/ Timbalan Pendaftar
Penolong Pendaftar Kanan/ Penolong Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang**

Tuan/Puan,

**EDARAN SURAT PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL 1 TAHUN 2015 :
DASAR CUTI PERISTIWA HUBUNG-KAITAN CUTI UMUM TAHUN 2015**

Dengan hormatnya saya diarah menarik perhatian berhubung perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Pekliling Pentadbiran UMP Bil. 1 Tahun 2015 mengenai dasar cuti peristiwa hubung-kaitan cuti umum tahun 2015 untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(ABD RAHMAN BIN HJ SAFIE)
Timbalan Pendaftar Kanan
(Menjalankan tugas Pendaftar)

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 1 TAHUN 2015

DASAR CUTI PERISTIWA HUBUNG-KAITAN CUTI UMUM TAHUN 2015

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengenai dasar mewajibkan Cuti Peristiwa yang mempunyai hubung-kaitan cuti umum sempena perayaan Hari Raya Haji bagi tahun 2015 kepada semua staf UMP.

LATAR BELAKANG

2. Mulai tahun 2011 dimaklumkan bahawa Pihak Pengurusan Universiti Malaysia Pahang telah melaksanakan cuti rehat wajib (mandatori) kepada semua staf UMP. Dasar cuti mandatori telah dikuatkuasakan melalui Pekeliling Pentadbiran Bil. 11 Tahun 2011 yang telah dikeluarkan pada 26 Ogos 2011. Pelaksanaan cuti rehat wajib (peristiwa) ini bertujuan mengelakkan pembaziran tenaga elektrik terutamanya penggunaan pendingin hawa, lampu dan sebagainya memandangkan staf yang tidak memohon cuti dan dijangkakan bekerja pada tarikh berkenaan adalah dalam jumlah yang tersangat kecil.
3. Sehubungan dengan itu, bagi tahun 2015 semua staf diwajibkan mengambil Cuti Rehat pada 25 September 2015 (Jumaat) sempena Hari Raya Haji yang jatuh pada 24 September 2015 (Khamis), dan cuti tersebut akan diambilkira daripada kelayakan Cuti Rehat Tahunan yang diperolehi pada tahun semasa dan proses permohonan cuti ini dibuat melalui e-community.
4. Cuti rehat wajib (peristiwa) pada 25 September 2015 (Jumaat) ini dikuatkuasakan kerana majoriti staf beragama Islam meraikan perayaan ini, berbanding dengan staf yang dijangka akan bertugas. Bagi mengelakkan pembaziran tenaga elektrik dan tenaga kerja maka cuti rehat wajib (peristiwa) dilaksanakan sebagai satu inovasi dalam pentadbiran.

PELAKSANAAN

5. Selaras dengan keputusan pihak Pengurusan Universiti pada 17 September 2015, semua staf diwajibkan mengambil cuti rehat pada 25 September 2015 (Jumaat) dan cuti tersebut akan diambilkira daripada kelayakan Cuti Rehat Tahunan yang diperolehi pada tahun semasa dan proses permohonan cuti ini perlu dibuat di e-community.
6. Staf yang tiada lagi peruntukan cuti rehat semasa tidak perlu membuat permohonan cuti kerana baki kelayakan cuti rehat tahunan akan dipotong sebanyak satu (1) hari.

7. Walau bagaimanapun, staf yang menjalankan tugas-tugas berkaitan keselamatan Univeristi ataupun staf yang diarahkan bertugas pada waktu berkenaan oleh Ketua Jabatan di atas faktor-faktor kepentingan Universiti, diberi pengecualian daripada diwajibkan mengambil Cuti Rehat pada 25 September 2015 (Jumaat).
8. Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan universiti ini tidak terjejas berikutan semua staf diarah mengambil Cuti Rehat pada tarikh-tarikh tersebut, semua talian telefon Pusat Tanggungjawab (PTJ) akan dipusatkan ke Bahagian Keselamatan UMP (09-5492515) untuk menjawab panggilan dan pertanyaan daripada pihak luar.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

9. Dalam melaksanakan dasar cuti rehat wajib (peristiwa) ini dan penguatkuasaannya dikalangan staf Universiti Malaysia Pahang adalah dikehendaki semua Ketua Jabatan memastikan mengambil tindakan seperti berikut:
 - 9.1. Semua staf dikehendaki mengambil cuti rehat pada tarikh tersebut kecuali staf yang bertugas atas faktor kepentingan perkhidmatan atau berkaitan keselamatan universiti sahaja diberi pengecualian dari dasar cuti rehat wajib (peristiwa) ini; dan
 - 9.2. Keselamatan pejabat seperti pendingin hawa, lampu, alat elektrik dan lain-lain ditutup sebelum bercuti panjang.

TARIKH KUATKUASA

10. Surat Pekeliling Pentadbiran ini berkuatkuasa dari tarikh semasa pekelliling ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan tugas,



(ABD RAHMAN BIN HJ SAFIE)

Timbalan Pendaftar Kanan
(Menjalankan tugas Pendaftar)
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 18 September 2015

Edaran kepada:

Pendaftar

Bendahari

Ketua Pustakawan

Penasihat Undang-Undang

Semua Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan

Salinan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)